

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN SU KEONG SIONG
[IPOH TIMUR]**

TARIKH : 18 NOVEMBER 2014 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN SU KEONG SIONG (IPOH TIMOR) minta PERDANA MENTERI menyatakan status program i-Sinar yang telah diberikan peruntukan RM28 juta di bawah Bajet 2014. Namakan sekolah-sekolah yang terlibat, kumpulan sasaran dan matlamat khusus dalam program ini

JAWAPAN: YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Program i-Sinar hanya mendapat peruntukan RM19.5 juta pada tahun 2014 dan bukannya RM28 juta seperti yang dinyatakan dalam soalan. Program i-Sinar bertujuan untuk meningkatkan prestasi akademik dan sahsiah pelajar India di Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil luar bandar dan sekolah ladang yang mencatatkan kadar lulus dalam UPSR yang amat rendah, iaitu di bawah 40%. Program ini (yang dimulakan pada tahun 2013) memberi fokus kepada pelajar tahun 3, 4, 5 dan 6. Matlamat program i-Sinar ini adalah untuk meningkatkan pencapaian para pelajar dalam UPSR serta menambahbaik kemahiran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris di kalangan pelajar sekolah Tamil. Negeri yang terlibat adalah Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Selangor, Melaka, Pahang, Pulau Pinang dan Johor. Peruntukan yang telah diluluskan pada tahun 2013 berjumlah RM6.5 juta.

Pada tahun 2014, Kerajaan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM19.5 juta bagi pelaksanaan Program i-Sinar. Program i-Sinar 2014 pula melibatkan 45 buah sekolah di seluruh negara dan melibatkan 4,633 pelajar. Bilangan sekolah yang terlibat mengikut seperti berikut:

- | | | | |
|-------|--------------|---|------------|
| (i) | Kedah | : | 3 sekolah |
| (ii) | Pulau Pinang | : | 3 sekolah |
| (iii) | Perak | : | 10 sekolah |
| (iv) | Selangor | : | 10 sekolah |

- (v) Wilayah Persekutuan : 3 sekolah
- (vi) Negeri Sembilan : 6 sekolah
- (vii) Melaka : 3 sekolah
- (viii) Johor : 4 sekolah
- (ix) Pahang : 3 sekolah

Program i-Sinar dilaksanakan dengan menggunakan metodologi yang disesuaikan berasaskan latar belakang pelajar yang dipilih. Tumpuan khusus akan diberikan kepada para pelajar agar dapat meningkatkan perhatian dan minat dalam pelajaran. Selain itu peranan ibu bapa juga diberi penekanan untuk memberi sokongan dan motivasi kepada anak-anak agar mementingkan pendidikan dalam kehidupan mereka. Program berkaitan ibu bapa diadakan bersama-sama dengan PIBG sekolah berkenaan. Daripada penilaian yang dibuat, kesedaran ibu bapa yang telah menyertai program ini semakin meningkat dan telah mula memberi motivasi dan perhatian kepada pelajaran anak-anak mereka.

Sekian. Terima kasih.